

24/07/1997

Duta Chile akhiri khidmat

KUALA LUMPUR, Rabu - Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini menerima menghadap Duta Besar Chile ke Malaysia Octavio Errazuriz sebagai tanda perpisahan di Istana Negara di sini.

Sebelum dilantik sebagai Duta Besar Chile ke Malaysia, beliau pernah berkhidmat sebagai diplomat di Kedutaan Chile di Washington.

Beliau juga pernah berkhidmat sebagai koordinator untuk Hubungan Pasifik di Kementerian Hubungan Luar di Santiago.

Errazuriz yang memulakan khidmatnya di sini pada 24 Jun 1994 sebelum itu adalah seorang profesor di jabatan Hubungan Antarabangsa Semasa, Universiti Gabriela Mistral, Santiago.

Errazuriz dilahirkan di Chile pada 1942, berkahwin dengan Christina Tortorelli dan mempunyai dua anak perempuan.

Sementara itu, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah hari ini mengutus ucapan tahniah kepada Presiden Hosni Mubarak, Mesir, sempena Hari Kebangsaan republik itu.

Dalam perutusannya, Seri Paduka berharap semoga Mesir terus menikmati keamanan, kemajuan dan kesejahteraan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengucapkan tahniah kepada rakan sejawatannya Dr Kamal El Ganzoury dengan harapan semoga kejayaan dicapai di bawah pentadbirannya.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut berbuat demikian kepada rakan sejawatannya Amr Mohammad Moussa. - Bernama

(END)